

23/09/1997

Pakar tolak dakwaan

KUALA LUMPUR, Isnin - Pakar ekonomi menolak dakwaan George Soros bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad cuba menutup kelemahan diri dalam mengurus ekonomi Malaysia dengan mengkritik dirinya.

Sebaliknya, ahli ekonomi tempatan berpendapat pengurusan ekonomi negara memiliki kekuatan tersendiri dengan sokongan pelabur tempatan.

Dekan Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohammad Alias, berkata dakwaan Soros itu tidak kena pada tempatnya.

Menurutnya, pengiktirafan majalah ekonomi 'Euromoney' dengan menyenaraikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai antara Menteri Kewangan terbaik di dunia sebelum ini membuktikan kemampuan pengurusan ekonomi negara.

Selain itu, katanya, antara kekuatan ekonomi negara ialah kemampuan pelabur tempatan dalam membantu mengukuhkan ekonomi.

(END)